

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“Kumpulan AmBank” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“Bank” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)), syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“Kempen” bermaksud “Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card” yang dianjurkan oleh Bank selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam ini.

“Kad Debit” merujuk kepada Kad Debit (Kad Debit Mastercard AmBank dan Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank*) yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad Peringkat Kedua.

“Penyertaan” bermaksud penyertaan yang layak diperolehi dengan memenuhi kriteria dalam klausa 4.4 yang memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk dipilih sebagai pemenang Hadiah yang berpotensi.

“Notis Terdahulu” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.

“Hadiah” bermaksud Hadiah Mingguan/Hadiah Bulanan/Hadiah Utama seperti yang dinyatakan di bawah klausa 5 di bawah.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 1.3 **“Perbadanan Bersekutu”** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. **“Syarikat Yang Berkaitan”** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen ini akan bermula pada 15 Disember 2020 (00:00 GMT+8) dan berakhir pada 31 Mac 2021 (23:59 GMT+8), termasuk kedua-dua tarikh dan akan disebut sebagai "**Tempoh Kempen**". Bank berhak untuk mengubah Tempoh Kempen mengikuti budi bicaranya dengan Notis Terdahulu.

3 Kelayakan

- 3.1 Kempen ini dibuka kepada semua pemegang Kad Debit AmBank yang baru dan sedia ada di Bank yang berumur 18 tahun dan ke atas, yang disebut sebagai "**Pelanggan yang Layak**".
- 3.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
- 3.3 Kakitangan Kumpulan AmBank tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

4 Mekanik Kempen

- 4.1 Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak perlu memenuhi Transaksi yang Layak seperti yang ditakrifkan di bawah dan menggunakan Kad Debit beliau untuk berpeluang memenangi Hadiah yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah Klausula 5.1 di sini semasa Tempoh Kempen.
- 4.2 "**Transaksi yang Layak**" hendaklah bermaksud sebarang transaksi runcit tempatan dan luar negara termasuk pembelian atas talian yang memenuhi syarat perbelanjaan minimum seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 5.1 yang berjaya dikenakan pada kad debit semasa tempoh kempen dianggap sebagai Transaksi yang Layak, kecuali transaksi berikut yang dengan ini dikecualikan dengan jelas dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi yang Layak:
- a) Transaksi pengeluaran, deposit atau pemindahan tunai;
 - b) Bayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, yuran penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang yuran, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh Bank atau sebaliknya;
 - c) Sebarang transaksi yang tidak dipaparkan, dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dikembalikan, penipuan atau tidak diberi kebenaran; dan
 - d) Transaksi pembayaran Insurans/Takaful (MCC 5960 dan 6300).

Penentuan Bank berkenaan dengan apa yang merangkumi Transaksi yang Layak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausula 4.2 di sini hendaklah menjadi kukuh dan mengikat semua Pelanggan yang Layak.

- 4.3 Bagi mengelakkan keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa Bank pada tarikh dan waktu transaksi (Waktu Malaysia) yang tercatat dalam rekod Bank selama Tempoh Kempen.
- 4.4 Pelanggan yang Layak yang melakukan setiap Transaksi yang Layak seperti yang direkodkan dalam sistem Bank akan berhak mendapatkan Hadiah yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah Klausula 5.1. Sebanyak **Lapan belas ribu lima ratus dan dua puluh satu (18,521)** pemenang akan dipilih untuk memenangi Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

5 Hadiah

5.1 Hadiah yang akan diberikan di bawah Kempen ini adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1

Kategori	Kelayakan	Bilangan Hadiah	Jumlah Nilai (RM)
Hadiah Mingguan	Perbelanjaan minimum RM10 bagi setiap transaksi	18,500 x RM5 Pulangan Tunai (1,200 X 14 Minggu Kempen) & (1,700 X 1 Minggu Kempen)	92,500
Hadiah Bulanan	Satu (1) penyertaan bagi setiap transaksi dengan perbelanjaan minimum RM30	16 x RM2,000 Hadiah wang tunai (4 setiap Bulan Kempen)	32,000
Hadiah Utama	Satu (1) penyertaan bagi setiap transaksi dengan perbelanjaan minimum RM50	Hadiah Pertama: 1 x RM30,000 wang tunai Hadiah Kedua: 1 x RM20,000 wang tunai Hadiah Ketiga: 1 x RM10,000 wang tunai Hadiah Saguhati: 2 x RM3,000 wang tunai	66,000
Jumlah		18,521	190,500

5.2 Pemilihan Pemenang

a) Hadiah Mingguan

Setiap Transaksi yang Layak ke-50 (contoh ke-50, ke-100, ke-150, ke-200 dan seterusnya), berdasarkan rekod Bank, akan layak mendapat Hadiah Mingguan. Sebanyak 18,500 pemenang Hadiah Mingguan akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen bersesuaian dengan Minggu Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

b) Hadiah Bulanan

Setiap Transaksi yang Layak dengan perbelanjaan minimum RM30 adalah layak untuk satu (1) penyertaan untuk dipilih sebagai pemenang Hadiah Bulanan.

Pada akhir setiap Bulan Kempen (dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah), Bank akan memilih pemenang Hadiah Bulanan yang berpotensi secara rawak dari Penyertaan Hadiah Bulanan yang layak. Pemenang Hadiah Bulanan yang berpotensi terpilih akan dihubungi oleh Bank melalui nombor telefon bimbitnya yang disimpan dalam rekod Bank dalam 60 hari selepas akhir setiap Bulan Kempen dan pemenang Hadiah Bulanan yang berpotensi yang dipilih akan diminta untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul supaya dapat menerima Hadiah Bulanan.

Untuk menghindari keraguan, Hadiah Bulanan adalah terhad kepada empat (4) untuk setiap Bulan Kempen (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah) dan enam belas (16) sepanjang Tempoh Kempen.

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

c) Hadiah Utama

Setiap Transaksi yang Layak dengan perbelanjaan minimum RM50 layak untuk satu (1) penyertaan untuk dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama.

Pada akhir Tempoh Kempen, Bank akan memilih pemenang Hadiah Utama yang berpotensi secara rawak dari Penyertaan Hadiah Utama yang layak. Pemenang Hadiah Utama yang berpotensi terpilih akan dihubungi oleh Bank melalui nombor telefon bimbitnya yang disimpan dalam catatan Bank dalam 60 hari setelah berakhirnya Tempoh Kempen dan pemenang Hadiah Utama yang berpotensi diminta untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul supaya dapat menerima hadiah Utama.

Untuk mengelakkan keraguan, Hadiah Utama adalah terhad sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 4 Klausu 5.4 di bawah, sepanjang Tempoh Kempen.

5.3 Setiap Pelanggan yang Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Mingguan untuk setiap Minggu Kempen (dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah), satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.

5.4 Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan Pemenang yang dipautkan dengan Kad Debit yang digunakan bagi Transaksi yang Layak semasa Tempoh Kempen mengikut tarikh pemenuhan yang ditetapkan dalam **Jadual 2**, **Jadual 3** dan **Jadual 4** di bawah.

Jadual 2 Hadiah Mingguan

Minggu	Minggu Kempen	Bilangan Hadiah Setiap minggu	Tarikh Pemenuhan Hadiah
1	15 Disember 2020 - 20 Disember 2020	1,200	Pada atau sebelum 28 Februari 2021
2	21 Disember 2020 - 27 Disember 2020	1,200	
3	28 Disember 2020 - 3 Januari 2021	1,200	
4	4 Januari 2021 - 10 Januari 2021	1,200	Pada atau sebelum 31 Mac 2021
5	11 Januari 2021 - 17 Januari 2021	1,200	
6	18 Januari 2021 - 24 Januari 2021	1,200	
7	25 Januari 2021 - 31 Januari 2021	1,200	
8	1 Februari 2021 - 7 Februari 2021	1,200	Pada atau sebelum 30 April 2021
9	8 Februari 2021 - 14 Februari 2021	1,200	
10	15 Februari 2021 - 21 Februari 2021	1,200	
11	22 Februari 2021 - 28 Februari 2021	1,200	Pada atau sebelum 31 Mei 2021
12	1 Mac 2021 - 7 Mac 2021	1,200	
13	8 Mac 2021 - 14 Mac 2021	1,200	
14	15 Mac 2021 - 21 Mac 2021	1,200	
15	22 Mac 2021 - 31 Mac 2021	1,700	

Jadual 3 Hadiah Bulanan

Bulan	Bulan Kempen	Bilangan Hadiah	Tarikh Pemenuhan Hadiah
1	15 Disember 2020 - 31 Disember 2020	4	Pada atau sebelum 28 Februari 2021
2	1 Januari 2021 - 31 Januari 2021	4	Pada atau sebelum 31 Mac 2021
3	1 Februari 2021 - 28 Februari 2021	4	Pada atau sebelum 30 April 2021
4	1 Mac 2021 - 31 Mac 2021	4	Pada atau sebelum 31 Mei 2021

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

Jadual 4 Hadiah Utama

Hadiah	Bilangan Hadiah	Tarikh Pemenuhan Hadiah
Hadiah Pertama: 1 x RM30,000 wang tunai	1	Pada atau sebelum 31 Mei 2021
Hadiah Kedua: 1 x RM20,000 wang tunai	1	
Hadiah Ketiga: 1 x RM10,000 wang tunai	1	
Hadiah Saguhati: 2 x RM3,000 wang tunai	2	

- 5.5 Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada pemenang yang layak untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun lain yang dikekalkan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
- 5.6 Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Pelanggan yang Layak mestilah tidak dorman atau ditutup pada masa hadiah dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Pelanggan yang Layak.
- 5.7 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau jenis lain sepertinya.
- 5.8 Bank akan memberitahu semua pemenang melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") berdasarkan maklumat hubungan mereka yang tersimpan dalam sistem Bank. Walau apa pun yang disebutkan di atas, Bank berhak menggunakan medium atau kaedah lain, termasuk laman web Bank di www.ambank.com.my bagi tujuan pengumuman pemenang.
- 5.9 Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Bank jika berlaku apa-apa perubahan yang sama yang dilakukan oleh Peserta Layak. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang Layak bagi sebarang kehilangan (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang berbangkit daripadanya) yang dialami jika nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod Bank bukannya terkini atau tepat.

6 Umum

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan. Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Kempen atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 6.2 Tawaran Kempen ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/kempen lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 6.3 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 6.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.

Terma and Syarat
Kempen #GoCashless 2.0 with AmBank Debit Card
Tempoh Kempen: 15 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021

- 6.5 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 6.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 6.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/kempen/bahan periklanan lain untuk Kempen ini.
- 6.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 6.9 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, insidental, akibat, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, simpan dan berkecualian di mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.
- 6.10 Walau apa pun yang bertentangan yang terdapat di sini, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini yang timbul atau disebabkan oleh faktor di luar kawalan Bank, seperti tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, penghentian kerja, kemalangan, penguncian, tindakan industri atau bencana alam.
- 6.11 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai kempen ini pada bila-bila masa disebabkan oleh sebarang gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 6.12 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.13 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam penafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara antara satu sama lain dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut hendaklah membawa maksud yang sama.
- 6.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di talian 03-2178 8888 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.